

Mahathir nafi rombak kabinet masa terdekat

UM 28 JUL 2000

KOTA KINABALU 27 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini menolak sebarang kemungkinan akan berlaku rombakan dalam barisan kabinet negara dalam masa terdekat ini.

Katanya, walaupun perkara itu kadang-kadang pernah terlintas di fikiran-nya, namun, buat masa ini perubahan dalam kabinet tidak akan berlaku.

“Kadang-kadang ia (rombakan kabinet) terlintas di fikiran saya, kadang-kadang tidak,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Keenam Pertubuhan Pasok Momogun Kadazan-dusun Bersatu (UPKO) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan berlaku rombakan kabinet Persekutuan.

Mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah, Dr. Mahathir berkata, ia terpulang kepada Barisan Nasional (BN) Sabah untuk menentukan sama ada untuk terus kekal dengan sistem sekarang atau menghentikan sistem penggiliran itu.

“Terpulang kepada orang Sabah untuk menentukannya, kalau mereka se-

lesa dengan sistem sekarang mereka boleh terus-kan, kalau tidak mereka boleh tukar,” katanya yang juga Pengerusi BN.

Beliau turut menafikan dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu boleh membantutkan program pembangunan di negeri ini.

Menurut Perdana Menteri, wujud kesinambungan dalam projek-projek pembangunan walaupun pucuk pimpinan negeri itu berubah setiap dua tahun sekali.

Agenda

Malah, katanya, ada antara menteri kabinet negeri yang terus kekal dan mereka ini akan meneruskan agenda mereka.

Lagi pula, katanya, semua yang memerintah itu adalah daripada kerajaan BN dan oleh itu tidak timbul masalah dalam melaksana dan meneruskan setiap projek yang telah dirancang.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut meminta enam bekas ahli Dewan Undangan Negeri Parti Bersatu Sabah (PBS) supaya menyelesaikan kes mereka jika ia mempunyai implikasi undang-undang.

Pada masa yang sama beliau turut meminta PBS supaya tidak memaksa ahli-ahli Dewan berkenaan kerana mereka sudah tidak suka lagi dengan parti itu.

“Orang ini sudah tidak berminat untuk menjadi ahli PBS, buat apa hendak paksa mereka,” katanya.

Enam mereka ialah wakil rakyat Bingkor, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan, Luis Rampas (Kiulu), Johnny Goh (Inanam), Atong Mengabis (Matunggong), Edward Linggu (Tamparuli) dan Karim Adam (Kundasang).

Semua mereka menyertai Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), sebuah parti komponen BN.

Bagaimanapun PBS yang tidak berpuas hati dengan tindakan mereka itu telah mengambil tindakan undang-undang kerana mendakwa semua bekas wakil rakyatnya itu telah membuat akuan bersumpah akan melepaskan kerusi masing-masing jika menyertai parti lain.

PBS juga turut menghantar surat peletakan jawatan mereka sebagai ahli Dewan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Hassan Alban Sandukong.